

Ingin Berkahwin? Tapi tiada duit? Kami Ada jalan Penyelesaiannya!!

Suatu hari, anda keluar bersiar-siar dengan kekasih anda di pasaraya. Kekasih anda membawa anda pergi dari satu kedai ke kedai yang lain bersama-samanya. Mula-mula dia mengajak anda pergi ke kedai pakaian, setelah melihat-lihat serta membelek-belek beberapa pakaian, dia mengajak anda keluar kerana tiada baju yang menarik baginya. Kemudian dia membawa anda ke kedai kasut & beg tangan pula, di sini kekasih anda mula berkelakuan pelik

"Wahh!! Ada potongan harga lah!! Cantiknya kasut nie.. yang ini pun cantik..! Eh! Yang hitam nie lagi cantik. Alaa.. mana satu nak pilih ni?." Kekasih anda sudah mula bertindak liar..

"Abang.. marilah sini, tolonglah pilihkan, yang mana satu lagi cantik?" Dia menarik anda yang sudah berdiri agak jauh sedikit darinya.

"Hmm... eh?! bukan ke minggu lepas dah beli kasut?" kata anda pula.

"Alaa.. kasut yang beli minggu lepas tu kasut untuk buat pergi kerja, yang ini saya nak beli untuk buat jalan-jalan." balas dia pula

"Aik?! Yang awak pakai sekarang ini kan dah ada?" tanya anda lagi..

"Yang sekarang ini tak selesa la pakai..lagipun dah lama.." rungut dia..

"Ala.. bolehlah abang, abang bayarkan heh?" tambah dia lagi...

Anda tidak membalas, hanya berdiam diri sambil mula berpikir...

"Bolehlah abang!... Sayang sayang abang...." ujar kekasih anda dengan nada manja sedikit..

"Yela.. yela...." kata anda tanpa mahu berpikir panjang lagi...

Semasa menuju ke kaunter, anda mula berfikir, nampaknya, minggu ini terpaksa anda membasuh baju anda sendiri menggunakan tangan.. tak dapatlah anda nak menghantar pakaian anda ke kedai dobi.

Keluar daripada kedai kasut tadi, anda berdua ternampak pula poster filem-filem yang sedang ditayangkan di pawagam. Apa lagi.. kekasih anda mula bersuara lagi..

"Abang.. tengok wayang jom!"

"Nak tengok cerita apa?" ujar anda..

"Nie hah.. cerita omputih nie" ujar dia pula

"Ala... cerita drama nie abang tak minat la.. tak best!?" anda memberi alasan..

"Kalau macam tu. Kita tengok cerita yang tu" ajak kekasih anda lagi..

"Hmm.. tak minatlah cerita kartun..." elak anda lagi..

"Abistu.. abang nak tengok cerita apa?" tanya kekasih anda..

"Kita tak payah tengok wayang la.... Lagipun dah petang nie.. tak sempat nanti.... Jom lah kita gi tasik.." Anda mula mengajak kekasih anda untuk keluar meninggalkan pasaraya yang anda anggap sebagai lubang pemusnah poket anda itu.

"Hmm.. ye la.." ujar kekasih anda... "fuuuhh".. anda mula lega

Tiba di tasik, anda mula berjalan-jalan dan mencari tempat yang sesuai untuk duduk. Setelah menjumpai tempat duduk yang sesuai anda berhenti berjalan dan mula duduk sambil memerhatikan keindahan tasik.

Beberapa ketika kemudian... kekasih anda mula bersuara..

"Abang.. berapa lama kita dah kenal yer?" ujar kekasih anda...

"Hmm.... Hampir 3 tahun rasanya..." balas anda..

"Hmmm.... Bila abang nak masuk meminang?" ujar kekasih anda.....

GRRRR!!!! Tiba-tiba anda terasa seperti petir dan kilat saling sambung menyambung...langit yang cerah.. tiba-tiba bertukar menjadi gelap...tiba-tiba ada suatu suara bergema berkata.. "Selamat datang ke dunia raksasa syaitan!..." Hah? Wah?! Ini sudah macam cerita Gaban...

Mungkin anda pernah mengalami situasi yang hampir serupa seperti situasi di atas. Setelah berkenalan lama dengan kekasih anda, kini kekasih anda mula mengajak anda untuk mendirikan rumahtangga. Anda bukan tidak mahu, tetapi masalah kewangan yang melanda diri anda menyebabkan anda agak sukar untuk memenuhi impian anda berdua.

Anda baru sahaja tamat belajar dan baru sahaja mendapat pekerjaan. Itu pun bukanlah pekerjaan tetap, hanya kontrak sahaja. Hutang pula sudah bertimbun-timbun, hutang pinjaman yang anda gunakan sewaktu belajar dulu, sudah mula dituntut oleh pihak pemberi pinjaman. Duit simpanan langsung tidak ada, apatah lagi rumah yang anda rasa anda perlu sediakan untuk kehidupan berumahtangga anda nanti. Duit belanja sara hidup anda sendiri pun kadang-kadang tidak mencukupi, apatah lagi untuk berkahwin dan menyara isteri dan anak-anak anda nanti.

Sepanjang masa anda berfikir, dimanalah aku nak mencari duit? Duit untuk dibuat kahwin. Maklumlah, apabila hendak berkahwin, duit yang diperlukan bukanlah sedikit, paling kurang pun RM10,000. Duit hantaran sahaja sudah mencecah RM5,000, itu belum masuk barang-barang hantaran, mas kahwin, belanja untuk kenduri kahwin, upah mak andam, sewa pelamin dan baju pengantin, sewa kanopi, upah pasukan kompiang, upah DJ serta peralatan audio, upah penanggung, bunga telur, kad jemputan dan bermacam-macam lagi la. Pendek kata, berbelas ribu jugalah hangus. Itu baru majlis biasa-biasa di kampung, belum lagi jika majlis perkahwinan anda perlu dilakukan di dewan, taman atau hotel. Kosnya mungkin bertambah sehingga berpuluh-puluh ribu ringgit.

Walaupun di dalam Islam kewajipan untuk berkahwin itu hanyalah dengan memberi maskahwin, tetapi masyarakat kita hari ini, tidak begitu meyambut riang jika anda datang bernikah dengan anak perempuan mereka dengan hanya membawa sebentuk cincin besi sebagai maskahwin anda seperti ketika zaman-zaman nabi dahulu.

Malah, anda mungkin di "hempuk" dengan kerusi serta dihalau keluar dari daerah rumah perempuan tersebut. Jadi, mahu tidak mahu, anda terpaksa juga menyediakan sejumlah wang untuk perkahwinan anda.

Bertitik-tolak dari permasalahan itu, maka terhasillah buku yang berjudul "Maskahwin Yang Hilang" bagi membantu anak-anak muda yang ingin mendirikan rumahtangga tetapi mempunyai sedikit masalah kewangan, untuk merealisasikan impian hidup mereka.

Buku ini menggunakan gaya bahasa yang mudah dan bersahaja. Antara topik yang pastinya membuka minda anda adalah seperti :-

- 18 tips yang praktikal bagaimana anda dapat berjimat dan mengumpulkan wang anda sehingga RM10,000. dengan mudah.
- 6 cara bagaimana anda dapat mengurangkan serta mengawal hutang anda.
- Kesilapan yang sering dilakukan oleh orang ramai apabila mengalami masalah kewangan
- 5 cara bagaimana anda dapat meningkatkan pendapatan anda
- Contoh bagaimana seorang pemuda menjana pendapatan sehingga RM3,000 dalam masa 3 jam dengan hanya berdiri di khalayak ramai. (Bukan meminta sedekah)
- Serta bagaimana memperolehi rezeki yang melimpah ruah seperti yang telah dijanjikan oleh Allah khusus untuk mereka yang ingin mendirikan rumahtangga.
- Serta berbagai lagi ilmu yang menarik yang boleh dijadikan panduan untuk anda sewaktu di dalam proses mengumpul wang untuk perkahwinan anda.

Berikut adalah beberapa kandungan muka surat yang terdapat di dalam buku tersebut sebagai preview khas untuk anda.

Pengenalan

Perkahwinan adalah merupakan sunnah rasullullah dan juga merupakan hukum alam kehidupan di dunia ini. Tidak kira manusia, haiwan malah tumbuhan juga melakukan perkahwinan.

Terdapat pelbagai manfaat serta kelebihan yang muncul daripada sesebuah perkahwinan, antaranya, keadaan jiwa yang tenteram, emosi yang tenang, serta dapat menutup segala pandangan serta pintu kemungkaran yang dilarang oleh Allah S.W.T. Kasih sayang antara suami dan isteri juga menjadi lebih ikhlas dan sentiasa diberkati Allah S.W.T.

Rasanya, semua itu telah pun anda sedia maklum. Jadi, tidak perlulah rasanya penulis mengulangi atau berkhabis mengenai kepentingan dan manfaat perkahwinan kepada anda di dalam naskah ini. Maklumat mengenai kelebihan perkahwinan, hukum dan rukun perkahwinan, pemberian nafkah serta kewajipan seorang suami dan isteri... semua itu telah banyak dibincangkan dan dimaklumkan di dalam buku-buku panduan perkahwinan yang lain yang berlambak-lambak di pasaran pada ketika ini.

Tetapi, perbincangan serta maklumat mengenai teknik pengurusan kewangan yang betul supaya seseorang dapat mengumpul duit untuk mendirikan sesebuah perkahwinan jarang sekali dibincangkan. Begitu juga di dalam kursus-kursus perkahwinan yang dijalankan, kebanyakannya lebih menumpukan kepada pengurusan kewangan selepas berumahtangga. Tetapi, bagaimana mengurus kewangan sebelum perkahwinan, tidak pula dibincangkan.

Jadi, tidak hairanlah jika anak-anak muda kini yang berhasrat untuk mendirikan rumahtangga tercengang-cengang dan terkebil-kebil berikhtiar bagaimana untuk mencari duit untuk melangsungkan perkahwinan.

Siang malam pagi petang asyik berfikir, "Di manalah aku nak cari duit untuk berkahwin? Wang hantaran sahaja sudah mencecah RM 4-5 ribu. Itu belum kira lagi wang belanja untuk kenduri kahwin, upah mak andam, jurugambar, kad jemputan, duit mas kahwin, sewa baju pengantin, sewa pelamin, upah kompong, sistem audio, barang-barang hantaran, catering, dewan... waduh.. waduh.. membujanglah aku sampai ke tua nampaknya macam ini."

Bertenang, bukan anda seorang sahaja yang mengalami situasi ini, tetapi boleh dikatakan hampir semua orang yang ingin mengakhiri zaman bujang mereka mengalaminya. Anda tidak keseorangan... beribu-ribu orang mengalaminya setiap hari.

Jadi, bersyukurlah anda menemui naskah ini, di dalam naskah ini, penulis akan berkongsi dan memberikan anda maklumat, tips, serta panduan bagaimana anda dapat mencari duit untuk mengumpul duit bagi merealisasikan impian anda agar anda dapat mengecapi nikmat kebahagiaan berumahtangga dengan segera. "Best wooo kahwin...." kata pakcik penulis yang kini bahagia dengan 12 orang anak hasil daripada perkahwinannya 20 tahun lalu.

Teknik Asas Kitaran Wang

Sebagai anak muda yang baru tamat belajar atau baru sahaja memasuki bidang pekerjaan, sudah pastinya kedudukan kewangan anda masih kurang stabil dan tidak kukuh. Maklumlah, anda baru sahaja tamat belajar, kerja tetap pun masih terdapat, hutang semasa belajar pula perlu dilangsaikan. Perbelanjaan sara hidup sendiri pun kadang-kadang tidak lepas, apatah lagi jika hendak menyara anak orang? Makan-minum pun kadang-kadang masih ibu bapa yang tanggung. Jadi, apa yang boleh anda buat.. malam-malam, termenung dan berangan sahajalah memandang syiling mengenangkan kekasih hati anda seperti pungguk yang rindukan bulan.

Sebenarnya, untuk mencari dan mengumpul duit untuk perkahwinan anda tidaklah sukar jika anda telah mengetahui tentang teknik asas kitaran wang yang betul dan mempraktikannya.

Kebanyakan orang seringkali tersilap di dalam menguruskan duit serta perbelanjaan mereka. Mereka menyangkakan, untuk hidup mewah dan menjadi kaya, mereka perlulah mendapatkan pekerjaan yang boleh memberikan mereka pendapatan yang besar. Mungkin RM2,000, mungkin RM5,000 atau pun mungkin RM10,000 sebulan.

Tidak... tidak sama sekali, tidak ada gunanya anda berpendapatan RM10,000 sebulan jika perbelanjaan sara hidup anda memerlukan RM12,000 sebulan. Keadaan anda ini sebenarnya sama sahaja jika anda berpendapatan RM1,000 sebulan dengan perbelanjaan sara hidup yang mencecah RM1,200 sebulan. Tiada bezanya, anda masih seorang yang boros dan sentiasa tidak cukup duit.

Oleh itu, ilmu mengenai duit atau teknik asas kitaran wang perlulah anda ketahui. Jika tidak banyak, sedikitpun sudah mencukupi supaya anda tidak lagi terpinga-pinga memikirkan kemana hilangnya duit anda setiap bulan. Umur sudah lanjut, kerja sudah tetap, gaji juga sudah tinggi, tetapi masih membujang kerana duit masih tidak cukup-cukup untuk berkahwin. Awak pula tidak henti-henti bertanya.. "Bila nak masuk meminang bang? Bila nak masuk meminang?"

Baiklah, tanpa melengahkan masa lagi. Kita pergi ke topik "Teknik asas kitaran wang". Sebenarnya, terdapat 4 perkara asas yang penting yang anda perlu tahu apabila bercakap mengenai pengurusan kewangan. Iaitu..... (edisi "sample" tamat)

Untuk membaca kandungan seterusnya, anda bolehlah mendapatkan ebook ini di website www.maskahwin.com



Judul	: Maskahwin Yang Hilang
Jenis	: E-book
Harga	: RM20.00
Penulis	: Mohd Suhaimy a.k.a shuth
Terbitan	: Extreme D Enterprise

Sinopsis : E-book ini menyediakan panduan serta rahsia menguruskan duit kepada mereka yang ingin mendirikan rumahtangga. E-book ini turut mengandungi panduan yang praktikal serta mudah dan berkesan yang boleh diikuti. Turut dimuatkan rahsia serta syarat-syarat menjana pendapatan yang boleh diikuti oleh mereka yang sedang mengumpul duit untuk perkahwinan mereka supaya duit yang terkumpul tidak ghaib begitu sahaja.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

DAPATKAN VERSI PENUH DI
<http://www.maskahwin.com/>